

**MAJLIS GRADUASI FARMER'S FIELD SCHOOL (FFS) PADI, PUSAT KECEMERLANGAN  
TEKNOLOGI PADI SG. BURONG MUSIM 2/2016**



Penulis : Sitti bt Rudin

Foto : Mohd Fadzlee bin Borhan

Sabak Bernam, 15 Ogos - Penyampaian Teknologi Pertanian kepada golongan sasaran merupakan titik fokus kepada pelaksanaan pengembangan pertanian. Farmers Field School (FFS) dicetuskan oleh Bahagian Padi, Tanaman Industri dan Florikultur, Jabatan Pertanian dengan kerjasama Jabatan Pertanian Negeri Selangor dan IADA Barat Laut Selangor bertujuan mencari platform yang sesuai untuk mempromosikan beberapa aktiviti pengembangan Jabatan.

FFS atau Sekolah Ladang Petani adalah langkah untuk memperkasakan Pusat Kecemerlangan Teknologi Padi (CoE) bagi tujuan melatih Agen Pengembangan Kawasan (APK) dan Kontak Tani (contact farmers)/usahawan bagi meningkatkan kemahiran teknikal.

APK dan petani dilatih di CoE secara teori dan hands-on bagi mencapai objektif supaya pengembangan teknologi pertanian (khususnya dalam tanaman padi) dapat diterima dan dilaksanakan dengan jayanya bagi meningkatkan produktiviti.

Aktiviti kursus disusun secara mingguan/dwi mingguan (mengikut keperluan) iaitu waktu pagi selama 4-5 jam. Program ini bermula pada 13 Oktober 2016 sehingga 26 Januari 2017 bagi musim 2/2016 dan seramai 36 peserta telah menamatkan latihan dengan jayanya.

Majlis Graduasi dimulakan dengan ucapan aluan oleh Encik Mohd Abdin Mohd Ariffin Pengarah Pembangunan Sumber Manusia yang mewakili Encik Idrus Abdul Hamid, Pengarah Pertanian Negeri Selangor. Upacara Perasmian dan Gimik Pelancaran telah disempurnakan oleh Y.Bhg Dato' Ahmad Zakaria Mohamad Sidek, Ketua Pengarah Pertanian telah diwakili oleh Tuan Hj Nasir Warris, Pengarah Bahagian Padi, Tanaman Industri dan Florikultur. Seterusnya beliau berbesar hati menganugerahkan Sijil Graduasi, Sijil Peserta Cemerlang dan Sijil Peserta Terbaik kepada peserta terlibat seramai 36 orang. Encik Fairuzzani Mohd Toif, daripada Sawah Sempadan dianugerahkan sebagai Peserta Terbaik Kategori Teori manakala Peserta Terbaik Kategori Amali disandang oleh Encik Zulkkifli Ahmad dari Sg. Burong.

Kemuncak majlis adalah sesi bergambar bersama tetamu jemputan dan juga peserta dan diakhiri dengan jamuan makan.